

11 MAY 2002

Hamid-AIDS

AGAMA BERPERANAN BAWA KESEDARAN HADAPI GEJALA HIV/AIDS

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Elemen agama harus berperanan membawa kesedaran kepada masyarakat terhadap gejala HIV dan AIDS bagi menangani masalah berkenaan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin hari ini.

Beliau berkata kesedaran tentang HIV/AIDS masih lagi kurang di kalangan masyarakat Malaysia.

"Elemen agama harus berperanan bagi membawa kesedaran masyarakat terhadap gejala HIV/AIDS dan ahli agama perlu mengambil inisiatif untuk menangani gejala tersebut " katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat dwi-tahunan Majlis AIDS Malaysia (MAM) yang keenam di Hotel Crown Princess di sini.

Kerjasama antara kerajaan dengan badan bukan kerajaan juga penting bagi meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai gejala penyakit berbahaya itu, katanya sambil menyambut baik usahasama antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan MAM dalam beberapa projek untuk meningkatkan kesedaran ahli agama tentang isu-isu HIV/AIDS.

Katanya seramai tujuh pemimpin Islam telah dihantar ke Persidangan Pemimpin Agama Islam tentang HIV/AIDS oleh Persatuan Perubatan Islam Uganda yang memberi peluang kepada mereka mendalami tentang gejala AIDS dan cara-cara menanganinya menerusi agama.

Sementara itu, Presiden MAM Datin Paduka Marina Mahathir berkata inilah buat julung kali MAM menjemput wakil kerajaan yang bukan daripada sektor kesihatan untuk merasmikan mesyuarat agung majlis itu.

"Jemputan ini merupakan tindak balas yang realistik kepada HIV/AIDS yang perlu menggunakan pendekatan multi-sektor, iaitu usaha yang menggabungkan tenaga daripada semua sektor masyarakat termasuk kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta dan juga agama," katanya.

Marina berkata jumlah rakyat Malaysia yang dijangkiti dengan HIV/AIDS kini sudah mencecah 45,000 orang berbanding kira-kira 6,000 pada 1992, sewaktu MAM ditubuhkan.

Peningkatan yang ketara epidemik HIV/AIDS akan memberi kesan negatif yang lebih teruk ke atas masyarakat Malaysia jika mereka tidak lebih prihatin, katanya.

Beliau berkata usaha dan pencapaian MAM setakat ini masih tidak mencukupi dan harus meningkatkan kualiti program dan perkhidmatan sedia ada.

-- BERNAMA

VG HS NMO